

BHASHA MALAYEU

SAMPLE QUESTION PAPER (2020-2021)

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **Soalan 1** yang mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii)**. Anda wajib untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **Soalan 2** yang mengandungi tiga bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii)**. Anda diwajibkan untuk menjawab semua bahagian tersebut.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 3, 4, dan 5** yang mengandungi 15 soalan tatabahasa. Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 6, 7, 8, dan 9**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (40 minit), C (40 minit), dan D (30 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **19 muka surat** sahaja.

Bahagian A
(15 Markah)

SOALAN 1

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

Laporan Hari Keluarga
Sekolah Kebangsaan Orang Kaya

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Orang Kaya telah menganjurkan Hari Keluarga bertempat di padang sekolah pada hari Ahad yang lalu.

Hari Keluarga itu diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara ibu bapa, guru, kakitangan sekolah dan murid sekolah. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menyahut seruan kerajaan untuk mengutamakan keluarga melalui kempen “Utamakan Keluarga”.

Pada hari tersebut, terdapat banyak aktiviti dijalankan. Antaranya, aktiviti sukaneka yang diadakan melibatkan semua pihak, ibu bapa, guru, kakitangan sekolah dan murid. Para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk melancarkan program yang dirancang.

Antara acara yang dijalankan dalam aktiviti sukaneka ialah berlari di dalam guni, mengisi air ke dalam botol, memancing botol, membawa bola ping pong di dalam sudu dan banyak lagi. Para peserta bekerjasama, *bagai aur dengan tebing* dalam menjayakan program pada hari tersebut.

Selain itu, persembahan pentas turut diadakan oleh murid-murid. Ibu bapa dan guru diundang untuk menyaksikan persembahan tersebut yang diadakan selepas waktu tengah hari.

Menurut Guru Besar Sekolah Kebangsaan Orang Kaya, program seperti ini perlu dijalankan pada setiap tahun. Hal ini dikatakan demikian kerana program ini bukan sahaja dapat merapatkan hubungan antara guru, ibu bapa dan murid, malah turut membentuk semangat kerjasama dalam kalangan murid sekolah untuk mewujudkan suasana yang harmoni di sekolah.

Hari Keluarga tersebut berakhir pada pukul 4:00 petang. Program diakhiri dengan pengumuman Anugerah Keluarga Bahagia yang dimenangi oleh keluarga Encik Rahman. Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai matlamatnya.

Laporan disediakan oleh,

28 APRIL 2017

Nurul Athirah
(NURUL ATHIRAH BINTI ABDULLAH)
Setiausaha,
Hari Keluarga,
Sekolah Kebangsaan Orang Kaya.

(5 Markah)

1. Apakah program yang dilaporkan dalam laporan tersebut?
 - A. Hari Guru
 - B. Hari Kantin
 - C. Hari Keluarga
 - D. Hari Koperasi

2. Apakah tujuan program ini dijalankan?
 - A. merapatkan hubungan antara murid dengan guru
 - B. merapatkan hubungan antara ibu bapa dengan guru
 - C. merapatkan hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak
 - D. merapatkan hubungan antara ibu bapa, guru, kakitangan dan murid sekolah

3. **Bagai aur dengan tebing** dalam laporan bermaksud
 - A. berusaha untuk mencapai kejayaan
 - B. kejayaan datang dengan serta-merta
 - C. bekerjasama dalam melakukan sesuatu kerja
 - D. bersungguh-sungguh dalam membuat sesuatu kerja

4. Siapakah Encik Rahman dalam petikan di atas?
 - A. Setiausaha Hari Keluarga
 - B. Guru Besar Sekolah Kebangsaan Orang Kaya
 - C. Ibu Bapa
 - D. Ahli jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Orang Kaya

5. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang laporan tersebut.
 - A. Dirasmikan oleh Encik Rahman.
 - B. Diadakan untuk menyambut seruan kerajaan, iaitu mengutamakan keluarga.
 - C. Bertujuan untuk merapatkan hubungan antara ibu bapa, guru, kakitangan dan murid sekolah.
 - D. Dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Orang Kaya.

- (ii) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Apabila menyebut tentang makanan segera, yang tergambar di fikiran kita ialah ayam goreng, burger, kentang goreng, nugget, pizza, dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, makanan segera sering diiklankan di media massa, khususnya televisyen, radio, dan akhbar harian. Selain itu, premis makanan segera ini mudah sekali ditemukan *bagai cendawan tumbuh selepas hujan* khususnya di bandar-bandar. Tampaknya makanan segera telah berjaya mengubah trend pemakanan masyarakat setempat.

Dewasa ini, makanan segera kian menjadi pilihan sesiapa sahaja tanpa mengira usia. Faktor ini mungkin didorong oleh sifat makanan itu sendiri yang enak, ringkas, dan mudah dibawa ke mana-mana, meskipun harganya agak mahal. Tambahan pula, ada restoran makanan segera yang menyediakan perkhidmatan 24 jam dan servis penghantaran tanpa mengira masa. Namun begitu, banyak orang yang tidak sedar bahawa makanan segera sebenarnya kurang berkhasiat.

Makanan segera mengandungi garam, gula, dan bahan perisa yang tidak baik untuk kesihatan. Pengambilan makanan segera secara berlebihan dapat menyebabkan pelbagai penyakit, seperti diabetes, darah tinggi, dan penyakit buah pinggang. Kebanyakan makanan segera mempunyai kadar kalori yang tinggi kerana kandungan lemak yang berlebihan. Hal ini memungkinkan penggemarnya mengalami masalah kenaikan berat badan yang mendadak atau obesiti.

Kecenderungan makan makanan segera dapat menyebabkan ketagihan ringan kepada kanak-kanak. Kanak-kanak yang sedang melalui proses pembesaran memerlukan makanan berkhasiat. Kanak-kanak yang amat menyukai makanan segera mungkin akan kurang berminat terhadap makanan lain yang mengandungi zat yang diperlukan oleh tubuh. Hal ini menyebabkan kanak-kanak terbabit tidak memperoleh zat yang seimbang.

Selain itu, makanan segera tidak mempunyai vitamin A yang amat diperlukan untuk kesihatan tubuh. Vitamin sebenarnya amat penting untuk membentuk tulang dan gigi di samping untuk penjagaan kulit dan mata. Makanan segera juga tidak mempunyai fiber sedangkan fiber penting untuk membantu proses penghadaman makanan dan dapat mengelakkan sembelit.

Oleh itu, rakyat Malaysia harus menukar trend pemakanan mereka dengan memilih makanan yang lebih sihat dan berkhasiat. Kurangnya pengambilan makanan segera. Tambahan pula, Malaysia kaya dengan aneka makanan yang lazat dapat memenuhi cita rasa selain berkhasiat.

1. Berikut ialah makanan segera, **kecuali**
 - A. pizza
 - B. nasi lemak
 - C. burger
 - D. kentang goreng
2. Apakah faktor yang mendorong makanan segera menjadi pilihan orang ramai?
 - A. murah, ringkas, dan enak
 - B. enak, ringkas, jimat
 - C. ringkas, enak, mudah
 - D. enak, menarik, dan ringkas
3. **Bagai cendawan tumbuh selepas hujan** bermaksud
 - A. terlalu banyak pada sesuatu masa
 - B. mempunyai hubungan yang sangat baik
 - C. sentiasa berhati-hati dan bersiap sedia untuk menghadapi rintangan
 - D. tamak; tidak bersyukur
4. Pilih pernyataan yang betul berdasarkan petikan di atas.
 - A. Makanan segera mempunyai vitamin A yang diperlukan untuk tubuh badan.
 - B. Pengambilan makanan segera yang berlebihan akan menyebabkan penyakit kronik.
 - C. Masyarakat sedar bahawa makanan segera kurang berkhasiat.
 - D. Pengambilan makanan segera boleh mengurangkan berat badan.
5. Makanan segera merupakan makanan yang ...
 - I. akan memberikan ketagihan kepada kanak-kanak
 - II. tidak mempunyai kalori yang tinggi
 - III. berkhasiat dan murah
 - IV. mengandungi bahan perisa yang berlebihan

A. I dan III B. I dan IV	C. II dan IV D. III dan IV
--	--

(iii) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

JOHOR BAHRU, 15 Ogos – Sebanyak 97 orang pekerja asing telah ditahan untuk disoal siasat dalam suatu serbuan di sebuah tapak pembinaan yang terletak di Jalan Sentosa awal pagi ini. Operasi tersebut yang dinamakan sebagai Ops Asing diketuai oleh Timbalan Penolong Pengarah Imigresen, Tuan Haji Hamadi Mohd. Rozaini.

Dalam serbuan tersebut, sebanyak 35 orang pekerja asing telah ditahan kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan diri yang sah, tidak mempunyai permit kerja, serta menyalahgunakan pasport dan visa pelancong untuk tujuan bekerja. Kebanyakan mereka yang ditahan berasal dari Indonesia, Myanmar, Bangladesh, dan Vietnam.

Serbuan tersebut dilakukan hasil daripada intipan pihak berkuasa, dan maklumat daripada orang awam yang tidak berpuas hati terhadap sikap sebilangan pekerja di tapak pembinaan tersebut. Menurut Encik Usman Kadir yang tinggal di kawasan berhampiran, penduduk semakin hilang sabar terhadap kerenah yang ditimbulkan oleh pendatang-pendatang terbabit. “Adakalanya mereka berbuat bising sehingga pagi. Keadaan tersebut mengganggu kami, khususnya anak-anak kecil yang sedang tidur,” tambahnya lagi.

Menurut maklumat daripada seorang penduduk yang enggan namanya disiarkan, kemungkinan kejadian pecah rumah yang berlaku di kawasan tersebut akhir-akhir ini turut berpunca daripada pendatang asing tanpa izin ini. Tambahnya lagi, rumah kongsi yang disediakan oleh pihak pemaju itu bukan sahaja dihuni oleh pekerja binaan yang terlibat, malah turut didiami oleh rakan-rakan mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.

Operasi yang melibatkan 25 orang penguat kuasa daripada Jabatan Imigresen itu turut mendapat bantuan daripada pasukan RELA. Serbuan ke tapak pembinaan tersebut dilakukan pada pukul 2:30 pagi semasa pekerja terbabit sedang leka bermain terup dan sebahagian yang lain sedang tidur. Walau bagaimanapun, selepas disoal siasat, sejumlah 62 orang pekerja yang terbabit dilepaskan kerana didapati mempunyai permit kerja dan pasport yang sah.

“Kita akan menyoal siasat pemaju terbabit. Tindakan pemaju terbabit menggajikan pekerja asing tanpa permit yang sah merupakan kesalahan yang besar. Jika sabit kesalahan, pemaju berkenaan boleh didenda dan dipenjarakan. Sepatutnya, setiap pemaju tidak membelakangi undang-undang apabila hendak mengambil pekerja asing bekerja dengan mereka,” jelas Tuan Haji Hamadi ketika ditemui oleh wartawan.

1. Ops Asing ini dijalankan atas arahan...
 - A. Encik Usman Kadir
 - B. Tuan Haji Hamadi Mohd. Rozaini
 - C. Penduduk setempat
 - D. RELA

2. Berapakah pekerja asing tanpa permit yang sah telah ditahan dalam operasi Ops Asing?
- A. 97
 - B. 62
 - C. 25
 - D. 35
3. Apakah faktor yang menyebabkan pekerja asing ditahan dalam operasi tersebut?
- i. tidak mempunyai permit bekerja
 - ii. menyalahgunakan pasport dan visa pelancong
 - iii. dokumen perjalanan diri yang tidak sah
 - iv. leka bermain terup semasa operasi Ops Asing
- A. i, ii, dan iv
 - B. ii, iii, dan iv
 - C. i, ii, dan iii
 - D. Semua di atas
4. Pekerja asing yang menetap di Malaysia berasal dari...
- A. Indonesia, Thailand, Myanmar, dan Vietnam
 - B. Vietnam, Burma, Thailand, dan India
 - C. Bangladesh, Vietnam, Myanmar, dan Indonesia
 - D. Indonesia, Myanmar, Bangladesh, dan Burma
5. Semua pernyataan di bawah betul tentang petikan di atas, **kecuali**...
- A. Operasi Ops Asing telah dijalankan pada pukul 2:30 pagi.
 - B. Pemaju yang disabit kesalahan akan didenda dan dipenjarakan.
 - C. Pekerja asing mengganggu ketenteraman penduduk setempat.
 - D. Pemaju tidak menyediakan tempat tinggal untuk pekerja asing.

Bahagian B
(25 Markah)

SOALAN 2

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **tentang cara-cara mengekalkan kebersihan sungai di negara kita**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.


(5 Markah)

Isu pencemaran sungai di Malaysia tidak pernah berakhir. Banyak pihak memandang sinis apabila isu ini diperdebatkan. Bagi mereka, isu ini terlalu klise dan bagaikan tiada noktah penyelesaian. Malaysia mempunyai 189 sistem sungai yang merangkumi 1800 batang sungai dan anak sungai dengan kepanjangan keseluruhan kira-kira 300 kilometer. Kebanyakan sungai di negara ini, terutama sungai yang merentasi kawasan bandar sudah dikategorikan sebagai sungai tercemar. Antara contoh sungai yang telah diklasifikasi sebagai tercemar, termasuklah Sungai Klang di Kuala Lumpur dan Sungai Juru di Pulau Pinang.

Menurut pensyarah kanan Jabatan Sains Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Hafizan Juahir, beliau tidak menafikan sikap manusia menjadi faktor utama masalah pencemaran sungai. Masyarakat perlu dididik agar mengambil berat akan aspek kebersihan sungai. Ibu bapa harus menegur dan menasihati anak-anak mereka yang suka membuang sampah ke dalam sungai. Usaha Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) menganjurkan Kempen Cintai Sungai Kita mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga kebersihan sungai. Selain itu, peranan guru-guru di sekolah juga patut dimanfaatkan. Guru-guru hendaklah mengambil peluang menerapkan rasa cinta terhadap sungai dalam diri para pelajar.

Penguatkuasaan undang-undnag yang berkaitan dengan penjagaan sungai juga dapat membantu memulihara dan mengekalkan kebersihan sungai. Undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi untuk menjaga sungai di negera kita. Namun begitu, penguatkuasaannya dianggap begitu lemah. Sepatutnya, “penjenayah alam” yang mencemari sungai patut dikenakan tindakan memulihkan kembali sungai yang dicemarkan oleh mereka. Proses penyelenggaraan sungai secara berkala sama ada setiap dua tahun sekali, lima tahun sekali, atau 10 tahun sekali juga mampu memulihara sungai di negara ini. Walaupun kebanyakan sungai di Malaysia diklasifikasikan berada di kelas sederhana secara keseluruhannya, adakah kita harus mengambil sikap tunggu dan lihat sehingga kualiti sungai di negara ini bertambah paras dan terus “mati”

- (ii) Berdasarkan rajah di bawah ini, huraikan pendapat anda tentang **punca-punca jerebu**. Panjang huraian anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**. (10 Markah)



- (iii) Tulis sebuah karangan tentang **salah satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**. (10 Markah)

(a) Andaikan bahawa anda Setiausaha Persatuan Kebudayaan sekolah. Anda diminta menulis surat permohonan untuk menggunakan bilik darjah sebagai tempat latihan tarian bersempena dengan hari kokurikulum kepada Pengetua. Tulis surat tersebut selengkapnya.

atau

(b) Sekolah anda telah mengadakan Program Minggu Bahasa Melayu. Berbagai-bagai aktiviti telah dijalankan dalam program ini. **Tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk menceritakan Program Minggu Bahasa Melayu tersebut.**

Bahagian C
(15 Markah)

SOALAN 3

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.

(5 Markah)

1. keputeraan baginda / beberapa buah / kereta antik /
turut dipamerkan / sempena hari

2. cuaca panas / itu mati sejak dua bulan lepas /
telah menyebabkan kesemua/ di tapak semaian
anak pokok

3. pihak pengurusan / derma kepada / jutawan itu /
Rumah Anak-anak Yatim Kasih Harmoni / menghulurkan sedikit

4. ini memiliki / ke sini / masyarakat majmuk / di negara /
yang dapat menarik / kepelbagaian budaya / pelancong asing

5. untuk dijadikan / rumah barunya / Puan Monica / hiasan di /
ruang tamu / mengubah bunga

SOALAN 4

Pilih jawapan yang paling tepat.

(5 Markah)

1. Pakaian yang warnanya mudah _____ hendaklah dicuci berasingan.
A. lusuh
B. pucat
C. luntur
D. kusam
2. Rakyat digesa agar tidak terpengaruh oleh _____ yang berkaitan dengan kenaikan harga barang.
A. porak-poranda
B. haru-biru
C. dolak-dalih
D. desas-desus
3. Encik Talib ke pejabat pos untuk _____ lessen memandunya.
A. menyiapkan
B. memperbaiki
C. membaharui
D. memperelok
4. _____ itu berpunca daripada masalah teknikal dalam komputer.
A. Terkeliru
B. Kekeliruan
C. Dikelirukan
D. Mengelirukan
5. Orang ramai dinasihati agar menjelaskan bayaran bil telefon yang _____ untuk mengelakkan pemetongan.
A. tercarum
B. tersasar
C. Tersekat
D. tertunggak

SOALAN 5

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk mengisi pernyataan di bawah.

(5 Markah)

- berkata siang melihat-lihat, berkata malam mendengar-dengar
- seperti air di dalam kolam
- sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi
- malang tidak berbau
- sebab nila setitik, rosak susu sebelanga.

1. Ishak masih bersikap tenang _____, meskipun dia sebenarnya menghadapi masalah yang besar.
2. Sikap budak itu seperti _____, kerana sejak mendapat basikal baharu, basikal lama itu tidak diendakkannya lagi.
3. “Berhati-hati di jalan raya kerana kata orang tua-tua _____,” nasihat ibu kepada abang.
4. Segala usaha Encik Gary selama 15 tahun diibaratkan _____, apabila beliau ditangkap menerima rasuah.
5. Kita harus berhati-hati agar tidak menyinggung perasaan orang lain semasa berbicara, bah kata pepatah, _____.

Bahagian D
(25 Markah)

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

SOALAN 6

Baca seloka di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya.

(5 Markah)

Santap Istiadat

Santap beradat, santap istiadat,
Santap raja di majlis kebesaran,
Santap merai, hormat-menghormati;
Bukan santap hendakkan kenyang,
Santap santun dengan aturan.

Nasi disuap di tangan kanan,
Lauk dibinjat sopan siuman,
Sampai ke mulut mamah perlahan,
Tanda tiada *gelojoh* makan.
Selesai santap nasi-
Diiringkan seteguk minuman,
Isyarat menghormati, mulia-memuliakan.

Santap nasi suap pertama,
Berturut dengan suap kedua;
Dua suap, ketiga sudah,
Keempatnya basuh tangan;
Kelima halwa juadah,
Keenam mengiring buah-buahan.

Ketujuh berkumur-kumur,
Ke delapan makan sirih;
Kelat jatuh ke rengkungan,

Seri naik ke peroman.
Itulah santap beradat kebesaran
Di dalam riwayat zaman yang silam.

(Za'ba, Kalung Bunga Za'ba, 2008,
Dipetik daripada antalogi, *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Aras Mega (M) Sdn.Bhd.)

1. Majlis santap istiadat adalah untuk meraikan,
 - A. tetamu kehormat
 - B. jiran tetangga
 - C. sahabat karib
 - D. semua di atas

2. Perkataan *gelojoh* pada rangkap kedua bermaksud...
 - A. makan dengan sopan
 - B. makan dengan tamak
 - C. makan dengan adab
 - D. makan dengan adat

3. Berikut merupakan adab ketika makan berdasarkan rangkap kedua, **kecuali**
 - A. air diminum dengan perlahan-lahan
 - B. lauk diambil satu demi satu
 - C. menjamah makanan dengan tangan kiri
 - D. makanan dikunyah dengan perlahan-lahan

4. Apakah tema seloka Santap Istiadat?
 - A. Adab dan tatacara makan mengikut adat generasi zaman dahulu.
 - B. Adab dan cara menghormati tetamu.
 - C. Tatacara makan dan minum generasi kini.
 - D. Tatacara makan di majlis

5. Berdasarkan rangkap ketiga, apakah adab menjamu selera yang harus diikuti?
 - i. menyusun makanan
 - ii. ambil juadah halwa
 - iii. basuh tangan sesudah makan
 - iv. makan buah-buahan sebagai pencuci mulut

A. i, ii, dan iii	B. ii, iii, dan iv
C. i, iii, dan iv	D. iii, ii, dan iv

SOALAN 7

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Kijang yang Lelah

Suara nyaringnya tidak lagi gah
bergema
Ketika temulang kudratnya bergetar
di tengah rimba
Dia tidak lagi mampu menobat
takhta
Mengorak telapak di tanah
menghijau.

Saat itu
Sebak menyentap dahan kalbu
Dedaun resah mula berguguran
Pepohon batin akhirnya tumbang
Akarnya menguncup di perdu harap.

Hari ini
Dia cuba bangkit dengan kekuatan
kaki
Menghambat waktu yang bersisa
Walau dalam jera lelah
Seakan dibelenggu setiap inci jiwa
raga.

Bimbang tersadung akar dan jerat
Sang kijang lebih berhati-hati
Menapak
Meski dalam peribadi yang keruh
Diredah belantara yang mula teduh
Nun jauh di batas nuraninya
Dia tetap menjinjing tekad dan tabah
terus mengorak penuh berhemah
dengan akal dan hati
dia tidak lagi gundah
menyusun gerak dan langkah.

(Wan Marzuki Wan RamliMingguan Malaysia,
Utusan Publication & Distributions Sdn. Bhd.)

- i. Apakah tema seloka “*Kijang yang Lelah*”? (1 Markah)

- ii. Apakah maksud rangkap pertama dalam seloka di atas? (2 Markah)

- iii. Huraikan satu pengajaran yang terdapat dalam “*Kijang yang Lelah*”? (2 Markah)

SOALAN 8

Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(9 Markah)

Maka apabila sampailah dekat kepada kampung orang, apabila orang yang empunya kampung itu melihat akan dia, maka diusirnyalah dengan kayu. maka Si Miskin itu pun larilah ia ke pasar. Maka dilihat oleh orang pasar akan Si Miskin itu datang, maka masing-masing melemparinya dengan batu, dan kayu dibuatnya pelontar. Maka ia pun larilah dan tubuhnya pun habislah bengkak-bengkak berlumuran darah. Ia pun menangis berseru-seru sepanjang jalan dengan sangat laparnya dan dahaga seperti akan matilah rasanya.

Maka ia pun bertemu dengan tempat orang membuang sampah di tengah jalan raya itu. Maka ia pun berhentilah di situ. Maka dicarinyalah di dalam sampah yang bertimbun-timbun itu barang yang dapat dimakan. Maka dengan takdir Allah Taala maka bertemulah ketupat sebiji basi dengan buku tebu. Maka dimakannya tebu itu, maka segar sedikit rasa tubuhnya kerana beberapa hari lamanya tiada merasai nasi. Hendak meminta ke rumah orang tidak berani. Usahkan diberi orang hampir pun tiada boleh. Demikian halnya Si Miskin itu.

Maka hari pun petanglah. Maka Si Miskin itu tiada undur di situ lagi. Di sanalah ia tidur. Maka hari pun sianglah. Maka pagi-pagi hari maka Si Miskin pun pergi berjalan dua laki isteri maka bertemulah dengan orang. Maka dilihatnya Si Miskin itu segera mereka mengambil kayu. Maka dilontarnya dan dipalunya Si Miskin dua laki isteri itu. Makai a pun larilah membawa dirinya dengan berlumuran darah. Maka kata isterinya, "Wahai kakanda, sangatlah rasa tubuhku tiada berdaya lagi, hancurlah segala anggotaku."

Maka terlalu belas rasanya hati suaminya melihat laku isterinya maka ia pun turut menangis seraya mengambil daun kayu, dimandikannya maka disapunya seluruh tubuh isterinya sambil berkata, "Diamlah tuan, jangan menangis. Sudahlah untung kita ini rupanya." Maka isterinya pun diamlah.

(Dipetik daripada prosa tradisional "Bahagia Sesudah Derita" dalam antalogi Bintang hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Berdasarkan petikan di atas, apakah yang berlaku kepada Si Miskin apabila dia dilempari batu dan kayu oleh orang-orang di pasar? (3 markah)

- (ii) Nyatakan dua perwatakan Si Miskin yang terdapat dalam prosa tersebut. (3 markah)

- (iii) Nilai kasih sayang amat penting dalam kehidupan manusia. Pada pendapat anda, apakah kesan yang berlaku sekiranya nilai kasih sayang tidak wujud dalam kalangan masyarakat di negara kita? (3 markah)
